

## BERITA UTAMA

- 3 BERKENAN  
BERANGKAT KE  
MAJLIS SAMBUTAN  
NUZUL AL-QUR'AN

5



MASJID AZ-ZAKIREEN  
MERAGANG DIRASMIKAN

11

### INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam  
di Seluruh Negara Bagi Tahun 2024

Bagi Bulan  
**MAC**  
**45**  
Orang



7  
KDYMM Berkenan Membuat  
Lawatan Tidak Berjadual Ke  
KUPU SB

9  
Majlis Mesyuarat Negara,  
Kementerian Hal Ehwal  
Ugama

12  
Melutani Pengajaran  
Al-Qur'an

Syaaban/  
Ramadan  
1445H

**MAC**  
**2024 M**  
Bil 3 • Tahun 36



[www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn)



[pdi@mora.gov.bn](mailto:pdi@mora.gov.bn)



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293

## Anggota Redaksi



**PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, *Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **PENOLONG PENASIHAT:** Hajah Zunainah binti Haji Gunong, *Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* •

**KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENOLONG KETUA PENERBIT:**

Qairunnisa binti Haji Jalil, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENYELARAS:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani

• **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

**DOA BERLINDUNG DARI KEJAHATAN**

**أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ**

**ERTINYA:**  
Aku berlindung dengan kalimah Allah yang sempurna daripada segala keburukan yang Allah cipta.

*Lidah Pengarang*

## ISTIMEWANYA RAMADAN

*Wahai orang-orang yang beriman!  
Diwajibkan ke atas kamu berpuasa*

*sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertaqwa.*

**Surah al-Baqarah:183**

Kini kita berada di bulan Mac dan memasuki ambang Ramadhan iaitu baki beberapa hari lagi menjelang Ramadan. Sebagai umat Islam kita perlu mempersiapkan diri dengan niat untuk menggandakan amal ibadat dan memperbaiki diri dengan sifat-sifat mahmudah. Alhamdulillah, Allah masih mengurniakan lagi kita ni'mat kehidupan di dunia ini untuk kita menggali khazanah pahala dan bekalan untuk akhirat kelak. Moga ni'mat hidup yang Allah Subhanahu wa Ta'alā pinjamkan ini membolehkan kita merasai keberkatan dan kemuliaan bulan Ramadhan serta bertemu dengan Lailatul Qadar..

Ini menunjukkan bulan Ramadhan adalah bulan yang amat istimewa kepada umat Islam kerana waktu malam dan siang ia menyajikan pelbagai keberkatan. Oleh itu, Ramadan merupakan satu bulan mulia yang sentiasa ditunggu dengan penuh kegembiraan. Firman Allah Subhanahu wa Ta'alā dalam surah al-Baqarah ayat 185 mafhumnya:

*(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadhan yang diturunkan padanya al-Qur'an sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah.*

Semoga dengan kedatangan Ramadhan yang mulia pada tahun ini dapat menjadikan kita sebagai insan yang bertaqwa dan beramal salih. Jagalah diri dengan melakukan perbuatan mulia yang direhui Allah Subhanahu wa Ta'alā yang memberikan manfaat bagi sesama insan, keluarga, masyarakat dan negara. ■

## BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



*KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1445H bersamaan 2024M.*

**BERAKAS, Rabu, 17 Ramadan bersamaan 27 Mac** - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis tersebut dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat

Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah dimulakan dengan bacaan surah al-Faatihah oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



*BERANGKAT sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.*



«**3** Menteri Hal Ehwal Ugama, m.s. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dalam sembah alu-aluannya berkata bahawa tema sambutan tahun ini iaitu 'Al-Qur'an Pedomanku', jelas maksudnya memperakarkan bahawa al-Qur'an selain menjadi bacaan sebagai kitab suci ialah untuk juga menjadi pedoman.

"Kerana itu al-Qur'an perlu dipelajari. Dengan cara dan jalan itulah akan tercapai maksud berpedomankan al-Qur'an yang memang dimaksudkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'alā sebagai 'huda' yakni petunjuk-petunjuk yang disebut sebagai hidayat bagi hamba-hamba-Nya yang berstatus al-Muttaqin teguh beriman sehingga dengan berpedomankan al-Qur'an itu mereka mendapat pengajaran yang dijadikan pegangan melaksanakan perintah-perintah Allah dan menghindari daripada larangan atau tegahan-tegahan Allah," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan bahawa di negara ini, al-Qur'an itu dipelajari dan diajarkan secara tradisi dalam masyarakat sampailah secara pembelajaran formal menerusi persekolahan. Diikuti juga dengan pengajaran menghafalnya sampai ke peringkat diploma tertinggi. Sementara untuk menyebarkan pengetahuan dan pemahaman isi kandungan ayat-ayat al-Qur'an disembahtkan bahawa usaha-usaha berterusan adalah dirancang dan dilaksanakan melalui penerbitan Kitab Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya yang diikuti dengan

penerbitan bersiri atau berjuzuk kitab huriahan tafsirnya.

"Usaha yang juga sangat dititikberatkan ialah siaran radio dan televisyen dan juga acara-acara majlis keilmuan yang bertujuan memberikan huriahan atau 'tadabbur' yakni memetik pengajaran daripada ayat-ayat al-Qur'an.

"Usaha ini dan usaha-usaha lain termasuk menerusi kursus bidang yang berkenaan di pusat-pusat pengajian tinggi adalah sangat penting untuk turut lebih aktif dan tersusun serta terarah bagi pengajaran ilmu-ilmu tentang kitab al-Qur'an terutama mempelajari dan memahaminya secara kontekstual kehidupan individu, bermasyarakat dan seterusnya bernegara khasnya bagi kita di Negara Brunei Darussalam negara yang bertuah diberkati Allah yang dalam konteks kemerdekaannya ia dimasyhurkan dengan azam mengekalkannya sebagai negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah wal Jama'ah," terang Yang Berhormat menyembahkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengurniakan titah pada majlis tersebut.

Kemudian majlis diteruskan dengan pemakluman keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah disampaikan oleh Pemangku Penolong

Pengarah, Jabatan Urusan Haji, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, selaku Pengurus Jemaah Hakim.

Majlis diserikan dengan Persembahan Pemenang Terbaik dari setiap kategori Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah. Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah dan cenderamata kepada para peserta.

Bagi memohon berkat dan syafaat pada majlis yang berkebajikan ini, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan. Sebelum berangkat balik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta paduka-paduka anakanda dan adinda berkenan beramah mesra bersama para pemenang Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan dan Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1445 Hijrah serta ahli-ahli keluarga mereka.

Tema bagi Majlis Sambutan Nuzul al-Quran Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah ialah 'Al-Quran Pedomanku'. Majlis Sambutan Nuzul al-Quran Peringkat Negara pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Syarikat Penerangan Diraja Brunei dan Pusat Pengajaran dan Penyebaran al-Quran MABIMS. ■

## MASJID AZ-ZAKIREEN MERAGANG DIRASMIKAN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



### MERAGANG, Jumaat, 20 Syaaban bersamaa I Mac -

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Masjid Baru Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang bagi menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat yang pertama di masjid tersebut.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji

masjid baharu tersebut yang kini dikenali sebagai Masjid Az-Zakireen Meragang.

Manakala, Khutbah Jumaat disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Yang Mulia dalam khutbahnya menyeru kepada jemaah yang hadir untuk menghiasi diri dengan sifat malu kerana ia adalah perhiasan mu'min sejati dan merupakan benteng yang boleh mengelakkan diri kita daripada melakukan perbuatan mungkar dan maksiat.

Sementara itu, Sembahyang Fardhu Jumaat diimamkan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Keseluruhan kapasiti Masjid Az-Zakireen Meragang ini boleh menampung seramai lebih kurang 2,200 orang jemaah. m.s. » 6





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama anakanda baginda berkenan menyertai para jemaah menuaikan Sembahyang Fardhu Jumaat diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Awang Haji Besar**



**KHUTBAH Jumaat Sembahyang Fardhu Jumaat yang pertama di Az-Zakireen, Meragang disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.**

«**5** Antara kemudahan yang m.s. disediakan di masjid berkenaan adalah tandas untuk orang kelainan upaya, Bilik Kuliah, Bilik Perpustakaan, Bilik Pengurusan Jenazah serta tempat letak kereta termasuk untuk Orang Kelainan Upaya.

Bangunan masjid baharu ini dibina di atas sebidang tanah berkeluasan 8.159 ekar dan menggunakan

anggaran peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara berjumlah BND4.3 juta.

Dengan pembukaan Masjid Az-Zakireen Meragang ini dapat memberi keselesaan kepada para penduduk kampung atau jemaah yang menuaikan sembahyang fardhu lima waktu dan Sembahyang Fardhu Jumaat serta dihasrat untuk digunakan oleh para penduduk bagi

melakukan kegiatan-kegiatan serta aktiviti-aktiviti keagamaan ke arah meningkatkan dan mengembangkan syiar Islam di kampung tersebut dan di negara ini amnya. ■



**KEINDAHAN seni bina Masjid Az-Zakireen, Meragang.**

## KDYMM BERKENAN MEMBUAT LAWATAN TIDAK BERJADUAL KE KUPU SB

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat mengadakan lawatan tidak berjadual ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).**

### BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Syaaban bersamaan 2 Mac

– Kebajikan hal ehwal pelajar dan warga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) termasuk dari segi prasarana dan kemudahan-kemudahan yang disediakan menjadi keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam keberangkatan tidak berjadual baginda ke KUPU SB.

Sejurus keberangkatan tiba di bangunan KUPU SB, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkesempatan membuat lawatan ke bilik kuliah yang sedang dijalankan sesi kuliah minor, iaitu Kaedah Pembelajaran Bahasa

dan Komunikasi Kanak-kanak yang ditunjuk ajar oleh Dr. Nurussaerah binti Haji Abu Bakar.

Kemudian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga meninjau beberapa blok bangunan kolej berkenaan termasuk Dewan Ta'lim dan seterusnya menyaksikan sendiri keadaan kediaman siswa dan siswi KUPU SB. Baginda seterusnya berkesempatan

menyaksikan Perpustakaan KUPU SB yang dianggarkan sejumlah 122,371 buku-buku rujukan disimpan di perpustakaan kolej universiti berkenaan.

Kebawah DYMM kemudiannya ke Dewan Tarbiyah KUPU SB dan berkenan mengurniakan titah di hadapan para pelajar dan warga kolej universiti m.s. berkenna.



## MAJLIS MESYUARAT NEGARA, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Oleh : Dyr. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



**m.s. 7** Sepanjang keberangkatan, Kebawah DYMM diiringi oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; dan juga Raes KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar.

Sementara itu, seramai 103 mahasiswa dan 79 mahasiswa menginap di asrama kolej universiti dan tiga antaranya merupakan pelajar antarabangsa dari Indonesia, Thailand dan Sudan.

KUPU SB juga mempunyai seramai 50 tenaga pengajar dalam kalangan

Profesor Madya, Penolong Profesor, Profesor Kanan, Profesor, Pensyarah, Penolong Pensyarah dan Pegawai Pelajaran.

Sebelum ini, Kebawah DYMM telah berkenan membuat lawatan yang serupa ke KUPU SB pada tahun 2020. ■



Seramai 779 pelajar sedang mengikuti pengajian di kolej universiti berkenaan, iaitu seramai 32 pelajar program Doktor Falsafah Perguruan Ugama; 71 pelajar program Sarjana Perguruan Ugama; 33 pelajar Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah; 321 Sarjana Muda Perguruan Ugama; 295 Diploma Tertinggi Perguruan Ugama; 21 Diploma Pengajian dalam bidang perkhusus; dan enam pelajar antarabangsa, iaitu dua pelajar Thailand, dua pelajar Indonesia serta dua pelajar Malaysia.



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin semasa menerangkan peruntukan belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 KHEU.

### BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Syaaban bersamaan 6

**Mac** – Sejumlah BND285,899,356 disediakan bagi peruntukan yang disokong untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2024/2025, iaitu pembayaran gaji sebanyak BND234,925,960; Perbelanjaan Berulang-ulang sebanyak BND34,156,000, perbelanjaan biasa adalah sebanyak BND25,500,000 dari peruntukan yang disebutkan tadi dan promosi atau pemeliharaan ugama sebanyak BND269,81,960, dan perbelanjaan kemajuan yang disokong sebanyak BND16,817,396.

Berdasarkan pecahan peruntukan yang diberikan ini, pecahannya adalah meluluskan beberapa program perbelanjaan yang telah diselaraskan dengan Maqashid Syariah yang lima itu dan menjadikan sektor-sektor dalam perbelanjaan KHEU.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman mengongsikan perkara

Perbelanjaan sektor-sektor tersebut menurut Yang Berhormat, akan ditumpukan meliputi KHEU dalam hal promosi harta ialah bersama dengan Jabatan Urusan Haji; Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal; dan Majlis Ugama Islam.

Kemudian dalam promosi ugama terang Yang Berhormat, KHEU adalah bersama dengan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Dawah Islamiah, Bahagian Syiar Ugama Islam; dan dalam promosi nyawa, KHEU adalah bersama dengan Jabatan Hal Ehwal Syariah (Khidmat Nasihat Keluarga), iaitu Bahagian Penguatkuasaan Ugama, Bahagian Permakanan dan Barang-Barang Halal.

Kemudian dalam promosi akal (*intellectual*) tambah Yang Berhormat, KHEU bersama dengan Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Menyentuh mengenai Rancangan Kemajuan Negara (RKN), Yang Berhormat sukacita menyatakan Perbelanjaan Kemajuan adalah sejumlah BND16.8 juta diperuntukkan bagi tahun kewangan yang akan datang ini dengan harga rancangan BND191 juta bagi beberapa projek utama mengukuhkan kemudahan akses pendidikan seperti menambah blok di beberapa buah sekolah ugama di seluruh negara, menaik taraf ‘facilities’ Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Pusat Tingkatan Enam dan pembangunan dua sekolah baharu bagi Kampong Kiulap dan Kampong Bolkiah. ► 10

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُواْ بَعْدَ إِيمَانِهِمْ ثُمَّ أَزْدَادُواْ كُفُّرًا لَّنْ تَقْبَلَ تَوْبَتِهِمْ  
وَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩٠﴾

**Mafhumnya:**

Sesungguhnya orang-orang yang kafir sesudah mereka beriman kemudian bertambah lagi kekafiran mereka, sekali-kali tidak akan diterima taubat mereka dan mereka itulah orang-orang yang sesat.

**Surah Aali-'Imraan ayat 90**




## Majlis Pengislaman MAC 2024



## STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2024



# Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.  
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.



«**9** Selain itu jelas Yang m.s. Berhormat, peruntukan telah disediakan sejumlah BND2.3 juta di mana harga rancangannya ialah BND23.9 juta untuk membina fasiliti tambahan di kampus KUPU SB yang sedia ada di Batu Satu, Jalan Tutong; dan sejumlah BND200 ribu harga rancangannya ialah dalam RKN Ke-12, iaitu BND20 juta juga disediakan untuk pembinaan kampus kekal perempuan ITQSHHB.

Manakala di bawah pengukuhan perkembangan syiar Islam ujar Yang Berhormat, pembinaan bangunan bagi Pusat Kegiatan Ugama Islam, Sekolah Ugama Kampong Senukuh disediakan sejumlah BND295 ribu, harga rancangannya ialah BND1.47 juta, dan sejumlah 12 buah masjid dalam RKN dirancangkan untuk dibina dengan peruntukan tahunan yang diberikan sejumlah BN9.86 juta yang mana harga rancangannya adalah sebanyak BND64.3 juta.

“Sementara di Kuala Belait peruntukan yang diberikan untuk Tahun Kewangan 2024-2025 sebanyak BND1.4 juta, harga rancangan BN14 juta.

“Pembinaan masjid baharu RPN Kampong Lumut, pembinaan masjid baharu di STKRJ Kampong Telisai, pembinaan masjid baharu di RPN Kampong Panaga sementara di Temburong ada dua rancangan pada tahun 2024-2025 diberikan peruntukan sebanyak BND22 ribu, RKN Ke-12 sebanyak BND8 juta, BND22 ribu ini maklumlah

## MELUTANI PENGAJARAN AL-QUR'AN

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di majlis berkenaan.**

**BERAKAS, Rabu, 17 Ramadan bersamaan 27 Mac** - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah berhasrat agar semua anak Brunei pandai membaca al-Qur'an dengan bertajwid.

Maka oleh itu, baginda bertitah khidmat guru-guru adalah diperlukan untuk 'melutani' pengajaran al-Qur'an, terutama bagi murid-murid di sekolah rendah yang belum berapa lancar membaca al-Qur'an, di samping tidak mengabaikan juga pelajar-pelajar di sekolah menengah.

Menyentuh mengenai tema Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara pada tahun ini ialah 'Al-Qur'an Pedomanku', baginda bertitah, tema ini sangatlah signifikan.

Seterusnya baginda juga bertitah, apakah lagi pada masa dunia sedang menghadapi pelbagai pancaroba yang sangat mencabar. Dengan situasi ini, titah baginda, memang wajar kita menjadikan al-Qur'an sebagai sumber utama rujukan dan pedoman dalam kehidupan ini.

"Al-Qur'an tidak diragukan lagi adalah kitab suci dan istimewa. Di dalamnya terdapat panduan yang lengkap lagi sempurna. Al-Qur'an mengandungi jawapan kepada segala persoalan hidup, baik yang berkaitan dengan hubungan antara manusia maupun dengan Allah Ta'ala," titah baginda.

Baginda yakin jika, semua orang tunduk dan berpegang kepada al-Qur'an, nescaya dunia ini akan aman sejahtera. Kerana itu, titah baginda, Brunei Darussalam mesti komited dengan al-Qur'an, memperkuuh pembacaan al-Qur'an.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan mesti menguatkan pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an di sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta, sentiasa memantau perkembangan pembelajaran al-Qur'an di sekolah-sekolah rendah hingga ke peringkat tinggi.

Dalam titahnya, baginda mengambil maklumbahawa KHEU melalui Jabatan Pengajian Islam telah melaksanakan Program Tahsin Qiraatil Quran yang mula diperkenalkan pada tahun 2021. Titah baginda, ini adalah rancangan yang bagus untuk meningkatkan

kemahiran para guru ugama dalam membacaan al-Qur'an.

Selain itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut bertitah mengambil maklum, mengenai Program Tadabbur Al-Qur'an yang diungkayahkan oleh beberapa pihak, khususnya agensi-agensi di bawah KHEU dan lain-lain institusi pendidikan di negara ini.

"Dengan wujudnya pelbagai inisiatif murni seperti ini, kita di Brunei tidak hanya akan fasih membaca al-Qur'an, bahkan juga akan dapat memahami maksud al-Qur'an. Inilah hasil tadabbur yang diharapkan.

"Alhamdulillah, beta juga sangat bersyukur, manakala mengetahui bahawa bukan sahaja pihak kerajaan, malah juga pihak swasta, agensi-agensi tempatan dan para belia masing-masing memamerkan kesungguhan, turut sama-sama berkecimpung menghayati al-Qur'an, melalui pusat-pusat pengajian, termasuk kelas-kelas menghalusi bacaan," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, kelas-kelas ini sangatlah mustahak, yang juga berkait rapat dengan pengukuhan amalan beragama. Baginda bertitah melahirkan harapan agar pihak-pihak berkenaan akan terus menyokong usaha-usaha berkebajikan ini, di samping dalam masa yang sama memantau kelas-kelas berkenaan supaya tidak terpesong atau tersasar dari landasan pegangan aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah Mazhab Syafe'i.